



19 Disember 2023  
19 December 2023  
P.U. (A) 382

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT*

*GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 4) 2023

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2023**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya suatu aktiviti sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperenggan 3(2);

“perniagaan baharu” ertinya aktiviti yang layak yang pertama yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus;

“projek pembesaran” ertinya suatu projek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperenggan 4(2);

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];

“syarikat berstatus BioNexus” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] yang terlibat dalam perniagaan sains kehidupan seperti biologi, perubatan, antropologi, ekologi atau apa-apa cabang sains lain, yang berurusan dengan organisma hidup dan organisasinya, proses kehidupannya dan hubungan antara satu dengan yang lain dan alam sekitarnya;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 4.

**Aktiviti yang layak**

3. (1) Mana-mana syarikat berstatus BioNexus yang menjalankan aktiviti yang layak adalah layak memohon pengecualian kepada Menteri menurut subperenggan 5(2) Perintah ini.

(2) Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu aktiviti yang berhubungan dengan bioteknologi pertanian, bioteknologi industri dan bioteknologi penjagaan kesihatan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

**Syarikat yang layak**

4. (1) Syarikat yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat berstatus BioNexus—

(a) yang menjalankan aktiviti yang layak di bawah subperenggan 3(2) berhubung dengan perniagaan baharu atau projek pembesaran; dan

(b) yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah ini dan mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Bagi maksud Perintah ini, projek pembesaran ialah suatu projek yang dijalankan oleh suatu syarikat berstatus BioNexus bagi membesarkan aktiviti yang layak yang sedia ada.

(3) Aktiviti yang layak yang sedia ada yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah—

(a) melibatkan pelaburan baharu dalam aktiviti yang layak; dan

- (b) tidak pernah diberi pengecualian di bawah Perintah ini dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2023 [*P.U. (A) 383/2023*].

### **Pengecualian**

5. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak.

(2) Permohonan bagi pengecualian hendaklah—

(a) dibuat secara bertulis oleh suatu syarikat berstatus BioNexus dan diterima oleh Menteri melalui Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. pada atau selepas 1 Januari 2019 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2022; dan

(b) mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan permohonan itu.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarikat yang layak itu mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan, yang hendaklah termasuk seperti yang berikut:

(a) menggaji bilangan pekerja sepenuh masa dan pekerja berpengetahuan yang mencukupi di Malaysia yang diluluskan oleh Menteri bagi menjalankan aktiviti yang layak; dan

(b) melakukan amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Malaysia atau amaun pelaburan dalam harta tetap yang mencukupi di Malaysia, yang diluluskan oleh Menteri bagi menjalankan aktiviti yang layak.

- (4) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah—
- (a) berhubung dengan suatu perniagaan baharu, bagi suatu tempoh sepuluh tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama yang syarikat yang layak itu memperoleh pendapatan berkanun daripada perniagaan baharu itu; atau
  - (b) berhubung dengan suatu projek pembesaran, bagi suatu tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama yang syarikat yang layak itu memperoleh pendapatan berkanun daripada projek pembesaran itu, dan tahun taksiran pertama itu hendaklah tidak boleh lebih awal dari tahun taksiran dalam tempoh asas yang tarikh syarikat itu telah diluluskan sebagai syarikat berstatus BioNexus oleh Menteri.

(5) Jika suatu syarikat yang layak telah diberikan suatu pengecualian di bawah subperenggan (1), suatu syarikat berkaitan kepada syarikat yang layak itu juga berhak diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) tertakluk kepada syarikat berkaitan itu mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

(7) Bagi maksud Perintah ini, tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam subsubperenggan (4)(a) atau (b) disebut sebagai “tahun taksiran yang dikecualikan”.

### **Pendapatan harta intelek tidak diambil kira**

6. (1) Dalam menentukan pendapatan berkanun suatu syarikat yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1), pendapatan harta intelek yang berikut yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak syarikat yang layak itu hendaklah tidak diambil kira—

(a) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021 daripada hak harta intelek yang baharu yang dimiliki oleh syarikat yang layak; dan

(b) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2021 daripada semua hak harta intelek yang dimiliki oleh syarikat yang layak.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

(a) suatu syarikat yang layak memiliki hak harta intelek jika syarikat yang layak itu adalah pemilik atau pemegang lesen hak itu; dan

(b) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek jika ia boleh diterima sebagai balasan bagi pengeksploitasian secara komersial hak itu.

(3) Apa-apa pendapatan harta intelek yang disebut dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta.

(4) Dalam perenggan ini—

“hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, penemuan dan inovasi utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, dan hak-hak lain yang serupa, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar;

“hak harta intelek yang baharu” ertinya hak harta intelek berhubung dengan aktiviti yang layak syarikat yang layak yang menjadi milik syarikat yang layak—

(a) pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

- (b) selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 akibat perolehan oleh syarikat yang layak, secara langsung atau tidak langsung, daripada syarikat berkaitan.

### **Pendapatan berkanun**

7. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 5(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu aset digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain aktiviti yang layak itu, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah dengan mengambil kira setakat yang aset itu digunakan bagi maksud aktiviti yang layak itu.

(3) Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 5(1) yang diperolehi daripada aktiviti yang layak itu hendaklah tujuh puluh peratus daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran yang dikecualikan.

### **Kerugian**

8. (1) Apa-apa amaun kerugian larasan yang dialami berhubung dengan aktiviti yang layak dari tahun taksiran dalam tempoh asas aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1) bermula sehingga tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran yang dikecualikan itu, dan dalam masa tahun taksiran yang dikecualikan, hendaklah dibawa ke hadapan dan dipotong daripada pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tamat tempoh tahun taksiran yang dikecualikan dan apa-apa amaun atau baki amaun yang tidak boleh dipotong pada akhir tempoh itu tidak boleh diambil kira bagi maksud Akta.

(2) Sekian banyak daripada kerugian larasan yang disebut dalam subperenggan (1) yang telah digunakan untuk mengurangkan pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak itu bagi suatu tahun taksiran tidak boleh diambil kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta.

### **Pemakaian potongan bagi penggalakan eksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986**

9. Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1), suatu perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tahun taksiran yang dikecualikan di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 hendaklah dikumpulkan dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tempoh asas pertama bagi suatu tahun taksiran selepas tahun taksiran yang dikecualikan itu.

### **Pemakaian potongan bagi penyelidikan di bawah seksyen 34A Akta**

10. (1) Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan 5(1), suatu perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tahun taksiran yang dikecualikan bagi penyelidikan di bawah seksyen 34A Akta hendaklah dikumpulkan dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan dalam tempoh asas pertama bagi suatu tahun taksiran selepas tahun taksiran yang dikecualikan itu.

(2) Amaun potongan yang dibuat di bawah subperenggan (1) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan.

(3) Jika suatu potongan telah dibuat di bawah Perintah ini berkenaan dengan suatu perbelanjaan yang disebut dalam subperenggan (1), perbelanjaan itu tidak layak untuk mana-mana potongan di bawah Akta.

### **Elaun modal**

11. Bagi maksud Perintah ini, Jadual 3 kepada Akta hendaklah terpakai.



### **Penarikan balik pengecualian**

12. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) dari tarikh dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran syarikat yang layak itu gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun hendaklah disifatkan sebagai tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu dari tarikh yang disebut dalam subperenggan (1).

### **Punca berasingan dan akaun berasingan**

13. (1) Jika suatu syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca aktiviti berasingan dan berlainan bagi syarikat yang layak itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 5(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

### **Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta**

14. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan di bawah subperenggan 5(1).

### **Ketidakkpakaian**

15. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang—

(a) berhubung dengan perniagaan baharu, yang memulakan—

(i) aktiviti perkhidmatan selepas dua belas bulan dari tarikh kelulusan Menteri atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri; atau

- (ii) aktiviti pengilangan selepas dua puluh empat bulan dari tarikh kelulusan Menteri atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri;
- (b) berhubung dengan projek pembesaran, melengkapkan projek pembesaran itu selepas dua puluh empat bulan dari tarikh kelulusan Menteri atau selepas tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Menteri;
- (c) statusnya sebagai suatu syarikat berstatus BioNexus telah dibatalkan oleh Menteri; atau
- (d) dalam tahun taksiran yang dikecualikan itu—
  - (i) telah gagal mematuhi syarat yang disebut dalam subperenggan 5(2) dan (3);
  - (ii) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
  - (iii) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
  - (iv) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama; atau
  - (v) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
    - (A) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;

- (B) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
- (C) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*]; atau
- (D) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Dibuat 17 November 2023

[Perb. MOF.TAX(S)700-1/3/73; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-185; PN(PU2)80/JLD.110]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 4) Order 2023**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2019.

**Interpretation**

2. In this Order—

“qualifying activity” means an activity as provided under subparagraph 3(2);

“new business” means the first qualifying activity undertaken by a BioNexus status company;

“expansion project” means project as provided under subparagraph 4(2);

“related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];

“BioNexus status company” means a company incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] which is engaged in a business of life sciences such as biology, medicine, anthropology, ecology or any other branches of science, which deal with living organisms and their organization, life processes and relationships to each other and their environment;

“qualifying company” means a company as provided under paragraph 4.

**Qualifying activity**

3. (1) Any BioNexus status company which carries out qualifying activity is eligible to apply for an exemption to the Minister pursuant to subparagraph 5(2) of this Order.

(2) Qualifying activity referred to in this Order is an activity relating to agricultural biotechnology, industrial biotechnology and healthcare biotechnology as approved by the Minister.

**Qualifying company**

4. (1) A qualifying company referred to in this Order is a BioNexus status company—

(a) which carries out qualifying activity under subparagraph 3(2) in relation to new business or expansion project; and

(b) which has been granted exemption under this Order and complies with the conditions imposed by the Minister relating to the exemption.

(2) For the purposes of this Order, expansion project is a project undertaken by a BioNexus status company in expanding its existing qualifying activity.

(3) The existing qualifying activity referred to in subparagraph (2) shall—

(a) involves new investment in qualifying activity; and

(b) has never been granted exemption under this Order and the Income Tax (Exemption) (No. 5) Order 2023 [P.U. (A) 383/2023].

**Exemption**

5. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a qualifying activity.

(2) An application for exemption shall—

(a) be made in writing by a BioNexus status company and received by the Minister through the Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd. on or after 1 January 2019 but not later than 31 December 2022; and

(b) comply with any conditions imposed by the Minister in relation to the application.

(3) An exemption granted under subparagraph (1) shall be subject to the qualifying company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption as specified in the approval letter, which shall include the following:

(a) employs an adequate number of full-time employees and knowledge workers in Malaysia approved by the Minister to carry on the qualifying activity; and

(b) incurs an adequate amount of annual operating expenditure in Malaysia or an adequate amount of investment in fixed asset in Malaysia, approved by the Minister to carry on the qualifying activity.

(4) The exemption granted under subparagraph (1) shall be—

(a) in relation to a new business, for a period of ten consecutive years of assessment commencing from the first year of assessment

in which the qualifying company derived its statutory income from the new business; or

- (b) in relation to an expansion project, for a period of five consecutive years of assessment commencing from the first year of assessment in which the qualifying company derived its statutory income from the expansion project, and that first year of assessment shall not be earlier than the year of assessment in the basis period in which the date the company is approved as BioNexus status company by the Minister.

(5) Where a qualifying company has been granted an exemption under subparagraph (1), a related company to the qualifying company is also entitled to be granted exemption under subparagraph (1) subject to the related company complying with all the conditions imposed by the Minister.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

(7) For the purposes of this Order, the period as specified in subparagraph (4)(a) or (b) is referred to as “exempt years of assessment”.

### **Exclusion of intellectual property income**

6. (1) In ascertaining the statutory income of a qualifying company referred to in subparagraph 5(1), the following intellectual property income derived from a qualifying activity of the qualifying company shall be excluded—

- (a) royalties and other income are derived on or after 1 July 2018 but before 1 July 2021 from new intellectual property rights that the qualifying company owns; and

*(b)* royalties and other income are derived on or after 1 July 2021 from all intellectual property rights that the qualifying company owns.

(2) For the purposes of subparagraph (1)—

*(a)* a qualifying company owns an intellectual property right if the qualifying company is the owner or the licensee of the right; and

*(b)* royalties and other income are derived from an intellectual property right if they are receivable as consideration for the commercial exploitation of that right.

(3) Any intellectual property income referred to in subparagraph (1) is subject to tax under the Act.

(4) In this paragraph—

“intellectual property right” means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety, and other like rights, whether or not registered or registrable;

“new intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the qualifying activity of the qualifying company that comes into the ownership of the qualifying company—

*(a)* on or after 1 July 2018; or

*(b)* after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by the qualifying company, directly or indirectly, from a related company.



**Statutory income**

7. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 5(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where an asset is used for the purposes of a qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than that qualifying activity, then the amount of the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purposes of the qualifying activity.

(3) The statutory income referred to in subparagraph 5(1) derived from the qualifying activity shall be seventy per cent of the statutory income in the exempt years of assessment.

**Losses**

8. (1) Any amount of adjusted loss incurred in relation to the qualifying activity from the year of assessment in the basis period in which the qualifying activity referred to in subparagraph 5(1) commences until the year of assessment immediately prior to the exempt years of assessment, and during the exempt years of assessment, shall be carried forward and deducted from the statutory income from the qualifying activity for a period of seven consecutive years of assessment and that period commences immediately following the end of the exempt years of assessment and any amount or balance of the amount which is not deductible at the end of that period shall be disregarded for the purpose of the Act.

(2) So much of the adjusted loss referred to in subparagraph (1) which was utilized to reduce the statutory income from the qualifying activity for a year of assessment shall be disregarded for the purposes of subsections 43(2) and 44(2) of the Act.

**Application of deductions for promotion of exports under the Promotion of Investments Act 1986**

9. For the purposes of computing the adjusted income from the qualifying activity referred to in subparagraph 5(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment under section 41 of the Promotion of Investments Act 1986 shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

**Application of deduction for research under section 34A of the Act**

10. (1) For the purposes of computing the adjusted income from the qualifying activity referred to in subparagraph 5(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment for research under section 34A of the Act shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

(2) The amount of deduction to be made under subparagraph (1) shall be equal to the amount of expenditure incurred.

(3) Where a deduction has been made under this Order in respect of an expenditure referred to in subparagraph (1), such expenditure shall not be eligible for any deduction under the Act.

**Capital allowance**

11. For the purposes of this Order, Schedule 3 to the Act shall apply.

**Withdrawal of exemption**

12. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 5(1) from the date in the basis period for a year of assessment the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted under subparagraph 5(1) in respect of any amount of the statutory income shall be deemed to have not been granted to the qualifying company from the date mentioned in subparagraph (1).

**Separate source and separate account**

13. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying activity and activity other than the qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of activity for the qualifying company.

(2) The qualifying company which is granted an exemption under subparagraph 5(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

**Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act**

14. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of statutory income exempted under subparagraph 5(1).

**Non-application**

15. This Order shall not apply to a qualifying company which—

(a) in relation to new business, which commences—

(i) service activity after twelve months from the date of the approval by the Minister or after such extended period approved by the Minister; or

(ii) manufacturing activity after twenty four months from the date of the approval by the Minister or after such extended period approved by the Minister;

- (b) in relation to expansion project, that completes the expansion project after twenty four months from the date of the approval by the Minister or after such extended period approved by the Minister;
- (c) its status as a BioNexus status company has been revoked by the Minister; or
- (d) in the exempt years of assessment—
  - (i) has failed to comply with the conditions referred to in subparagraphs 5(2) and (3);
  - (ii) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
  - (iii) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying activity;
  - (iv) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying activity; or
  - (v) has made a claim for a deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
    - (A) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
    - (B) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];

- (C) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [P.U. (A) 336/2014]; or
- (D) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [P.U. (A) 162/2020].

Made 17 November 2023

[Perb. MOF.TAX(S)700-1/3/73; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-185; PN(PU2)80/JLD.110]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*